

# Bengkel Pemasaran:

Oleh ; Fathul Azan Faezan

# Strategi Dalam Perniagaan



Pada 23 Januari 2010 bertempat di Hotel EDC Universiti Utara Malaysia dengan dihadiri seramai 33 pelajar yang menyertainya, Unit Keusahawanan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP sekali lagi telah menganjurkan **Bengkel Pemasaran : Strategi Dalam Perniagaan**. Penceramah yang diundang adalah Encik Mohamad Nizar Bin Md. Nor dan Encik Mohd. Fazly Bin Mohd Razali dari Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia(MEDEC) UiTM Cawangan Arau Perlis. Pemasaran adalah salah satu elemen yang terpenting dalam perniagaan. Dalam sesi bengkel ini, para peserta telah dipecahkan kepada 5 kumpulan. Dan setiap kumpulan diberikan sebiji telur ayam. Setiap kumpulan perlu

memikirkan apakah cara yang terbaik untuk memasarkan telur ayam tersebut supaya ia tidak pecah sekiranya terjatuh atau terhempas. Apakah material atau bahan yang digunakan adalah terpelung kepada kreativiti kumpulan masing-masing. Motif ianya diadakan adalah untuk menyedarkan kepada para peserta bahawa sesuatu produk yang ingin dipasarkan tersebut mestilah mempunyai kualiti yang terbaik untuk para pelanggan. Selain daripada itu juga, kita mestilah membuat strategi dan perancangan dengan melihat faktor-faktor persekitaran, kuasa membeli dan keperluan terhadap sesuatu produk kita itu sebelum ianya dipasarkan.